MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan
Pej : 05-6898800 / 05-6898891 Fax : 05-6882102
E-mail : ydp@mpm.gov.my Web : www.mpm.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil.(17)dlm.MPM/OSC/K/07
Tarikh : 25 Mei 2017
29 Syaaban 1438

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN MELALUI PERUNDING BERTAULIAH ATAU MELALUI WAKIL PERUNDING

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat kami Bil.(48)dlm.MPM/OSC/3.0 bertarikh 30 Mac 2017 dan Bil.(06)dlm.MPM/OSC/K/07 bertarikh 13 April 2017 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan Majlis Perbandaran Manjung telah menguatkuasakan semua permohonan cadangan pemajuan yang dikemukakan di Kaunter OSC perlu melalui Perunding Bertauliah atau Wakil bermula 1 Mei 2017. Ini selaras dengan arahan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) surat rujukan no. JKT.T.800-3/1Klt.20(52) bertarikh 7 Julai 2011 dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 7/2017 bertarikh 5 April 2017.

3. Majlis Perbandaran Manjung merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' / Tuan / Puan kerana kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan matlamat ini. Besar harapan kami cadangan pembangunan yang dikemukakan selaras dengan peruntukkan undang-undang yang berkaitan memberi kesan yang positif seterusnya menjadikan pembangunan di Daerah Manjung lebih Maju, Progresif dan Makmur.

4. Besar harapan kami agar YBhg. Dato' / Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada perunding berdaftar di bawah profesion YBhg. Dato' / Tuan / Puan bagi menjamin kelancaran perkhidmatan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam pemajuan hartanah. Kerjasama YBhg. Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini diucapkan berbanyak terima kasih.

Sekian.

`BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

`MAJU, PROGRESIF, MAKMUR'

Saya yang menjalankan tugas,

RECEIVED
06 JUN 2017

-PPC -MK

(MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANID, PMP., AMP.)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung.
as/D/lela/surat/kadpsp/perunding